10 **Apakah syarat-syarat lain yang boleh dikenakan oleh mahkamah berhubung dengan perintah jagaan?**

Syarat-syarat lain yang boleh dikenakan oleh mahkamah ialah -

- tempat dia mana kanak-kanak itu akan tinggal, pendidikan dan agama;
- supaya kanak-kanak itu buat sementara berada dalam kawalan dan pemeliharaan seorang yang lain daripada orang yang diberi penjagaan kanak-kanak itu; dan
- melarang orang yang mendapat hak jagaan membawa kanak-kanak tersebut keluar dari Malaysia

11 **Berapa lamakah tempoh penjagaan anak?**

Tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh pihak-pihak. Sekiranya tidak ada apa-apa syarat, tempoh penjagaan ialah sehingga kanak-kanak tersebut berusia 18 tahun.

12 **Bolehkah perintah penjagaan anak dipinda?**

Perintah penjagaan anak boleh dipinda sekiranya mahkamah mendapati terdapat perubahan ketara dalam hal keadaan atau sekiranya boleh dibuktikan bahawa perintah terdahulu dibuat berdasarkan fakta yang salah.

13 **Apakah kewajipan seseorang penjaga kanak-kanak?**

Seseorang penjaga kanak-kanak adalah bertanggungjawab terhadap keperluan asas kehidupan, penjagaan kesihatan, pendidikan, perlindungan dan pengurusan harta.

14 **Bagaimanakah cara menentukan penjagaan anak yatim?**

Penjagaan anak yatim akan tertakluk kepada wasiat ibu bapa kanak-kanak tersebut.

15 **Siapakah yang berhak ke atas penjagaan kanak-kanak sekiranya ibu bapa kanak-kanak tersebut meninggal dunia tanpa wasiat?**

Majistret, Penghulu, Pegawai Polis, Pelindung kanak-kanak tersebut dan sesiapa yang mempunyai kuasa di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*] boleh memohon kepada mahkamah untuk melantik penjaga kepada kanak-kanak yatim piatu yang ibu bapanya meninggal tanpa wasiat.

16 **Siapakah yang menjaga harta kanak-kanak tersebut?**

Mahkamah akan melantik seorang penjaga atau wasi atau pemegang amanah dengan syarat-syarat tertentu.

17 **Apakah kewajipan penjaga terhadap harta kanak-kanak tersebut?**

Penjaga akan bertanggungjawab terhadap pengurusan harta dan boleh membuat apa-apa tindakan yang munasabah serta berpatutan bagi penghasilan atau perlindungan harta tersebut.

18 **Apakah maklumat dan dokumen yang diperlukan bagi menuntut penjagaan anak?**

Maklumat dan dokumen yang diperlukan bagi menuntut penjagaan anak adalah seperti yang berikut -

- kad pengenalan;
- sijil nikah/ cerai asal;
- sijil kelahiran anak;
- nama dan alamat;
- pekerjaan;
- perintah perceraian;
- laporan perubatan;
- laporan polis;
- nama majikan;
- saksi;
- penyata gaji/ dokumen pendapatan;
- perakuan daripada majikan;
- pengesahan pemastautinan pihak yang menuntut; dan
- apa-apa dokumen yang berkaitan.

Ibu Pejabat:
Jabatan Bantuan Guaman
Aras 1, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62692, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

No Telefon:
03-88851827 (Sivil) | 03-88851826 (Syariah)

CATATAN:

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN BANTUAN GUAMAN

HAK PENJAGAAN ANAK BAGI ORANG BUKAN ISLAM

www.jbg.gov.my
jabatanbantuanguaman

1 Apakah yang dimaksudkan dengan "jagaan" (*custody*) dan "penjagaan" (*guardianship*)?

"jagaan" bermaksud seseorang kanak-kanak tinggal bersama-sama dengan penjaganya yang mana sekiranya si ibu mendapat hak jagaan maka si anak akan tinggal bersama ibunya. "Penjagaan" merujuk kepada perhubungan yang timbul daripada ketidakupayaan semula jadi kanak-kanak untuk menguruskan hal diri mereka (contoh: membuat keputusan mengenai pendidikan dan pentadbiran harta).

"Kanak-Kanak" ditakrifkan sebagai anak yang berumur bawah **18 tahun**

2 Apakah hak-hak penjaga?

Hak seseorang penjaga termasuk hak untuk -

- menentukan pendidikan anak;
- memberi nama anak;
- tindakan disiplin;
- pemilihan agama;
- pentadbiran harta;
- persetujuan untuk berkahwin bagi anak yang berumur di bawah 21 tahun;
- perubatan, kesihatan; dan
- membenar atau menolak permohonan pasport dan sebagainya.

Lazimnya, seseorang yang mendapat hak jagaan anak akan mempunyai penjagaan ke atas anak itu walaupun pihak lain yang berkepentingan akan mendapat "akses" seperti hak melawat, bermalam dan sebagainya.

3 Siapakah yang boleh memohon hak penjagaan anak?

Orang yang boleh memohon hak penjagaan anak ialah -

- ibu;
- bapa;
- saudara mara;
- persatuan;
- sesiapa yang sesuai/layak;
- mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang diputuskan oleh mahkamah

4 Siapakah yang paling berhak terhadap penjagaan anak?

Seseorang ibu adalah lebih berhak terhadap penjagaan anak sekiranya anaknya berusia di bawah 7 tahun. Tertakluk kepada fakta kes yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah, adalah tidak wajar untuk mengganggu kehidupan kanak-kanak tersebut dengan menukar penjagaan daripada seorang penjaga kepada penjaga yang lain.

5 Siapakah orang yang menjadi penjaga kepada anak menurut undang-undang?

Orang yang menjadi penjaga kepada anak menurut undang-undang ialah bapa. Walau bagaimanapun, ia boleh berubah kepada ibu atau sesiapa sahaja menurut perintah mahkamah setelah mengambil kira kebajikan anak tersebut.

6 Apakah faktor utaa yang akan diberi pertimbangan oleh mahkamah berhubungan dengan penjagaan anak?

Kebajikan kanak-kanak tersebut menjadi faktor yang utama. Faktor utama bermakna ia mengatasi pertimbangan yang lain.

7 Apakah perkara-perkara lain yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah?

Perkara-perkara lain yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah ialah;

- hasrat ibu bapa kanak-kanak tersebut;
- kemahuan kanak-kanak itu sendiri sekiranya dia berada dalam peringkat umur yang boleh menyatakan pendapatnya dengan bebas;
- umur dan jantina kanak-kanak tersebut;
- agama dan adat resam;
- bangsa dan latar belakang budaya;
- kelakuan pihak-pihak yang membuat tuntutan;
- kemungkinan pihak-pihak berdamai;
- kelebihan dari segi pendidikan dan material;
- faktor kesihatan dan mental ibu bapa; dan
- sebarang bukti pengabaian, penderaan atau keganasan rumah tangga.

8 Bagaimanakah sekiranya terdapat lebih daripada seorang kanak-kanak yang terlibat dengan tuntutan penjagaan?

Pertimbangan akan diberikan kepada kebajikan setiap kanak-kanak tersebut secara berasingan. Seboleh-bolehnya kanak-kanak ini tidak akan dipisahkan. Walau bagaimanapun, mahkamah tidak terikat untuk meletakkan kesemua mereka di bawah penjagaan seorang penjaga sahaja.

9 Siapakah yang berhak ke atas penjagaan anak tak sah taraf?

Penjagaan anak tak sah taraf adalah terletak kepada ibu kandung kanak-kanak tersebut.